



**MAJLIS PERBANDARAN
SEBERANG PERAI**

VISI

Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan

MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN



UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

SILA HUBUNGI :

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Tingkat 2, Jalan Perda Utama
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang

No. Tel: 04-549 7555/556/557
perbandaran@mpsp.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam
Tel:04-549 7555 Fax: 04-538 9700

www.mpsp.gov.my

Tarikh dikemaskini: Julai 2012



NOTES	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
	1. LATAR BELAKANG	2
	2. FUNGSI DAN PERANAN	2
	3. AKTA-AKTA YANG DIKUATKUASAKAN	2
	4. SENARAI UNDANG-UNDANG KECIL YANG DIGUNAPAKAI OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN	3
	5. PERKHIDMATAN KEPADA ORANG RAMAI / PELANGGAN	4
	6. KUTIPAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN AM	6
	7. BANTUAN PERALATAN GOTONG ROYONG	7
	8. BANTUAN BEKALAN ANAK POKOK TEDUHAN KEPADA PERTUBUHAN	8
	9. GARIS PANDUAN PENANAMAN POKOK OLEH ORANG RAMAI DALAM KAWASAN PERUMAHAN	8
	10. PERMOHONAN MENEBAH / MEMANGKAS POKOK TEDUHAN MILIK MPSP	9
	11. MEMPROSES PELAN LANDSKAP DAN ULASAN PELAN KEBENARAN MERANCANG	9
	12. PROGRAM CSR MPSP	10
	13. PROGRAM KITAR SEMULA	11
	14. PERMOHONAN BAYARAN INSENTIF UNTUK INSTITUSI PENDIDIKAN YANG MENDAFTAR SEBAGAI PENGGIAT DAN PENGUMPUL BARANGAN KITAR SEMULA	11

LATAR BELAKANG

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran ditubuhkan mulai 15 Oktober 2009 berikutan penstrukturan semula MPSP. Kewujudannya adalah hasil gabungan beberapa fungsi dari jabatan-jabatan yang berbeza seperti Jabatan Perkhidmatan Kesihatan & Perbandaran, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perancang Bandar & Pengindahan yang mempunyai bidang tugas yang saling berkait rapat. Penyatuan ini bertujuan untuk memantapkan perkhidmatan MPSP kepada orang ramai.

FUNGSI DAN PERANAN

Fungsi dan peranan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran adalah seperti berikut :-

- Pelupusan sisa pepejal dan pembersihan am
- Pengurusan Stesen Pemindahan Ampang Jajar dan Tapak Pelupusan Pulau Burung
- Penyelenggaraan Landskap, Taman dan Rekreasi,
- Penyelenggaraan pokok landskap milik MPSP.
- Penyelenggaraan parit monsun dan kolam takungan serta pembaikan parit/longkang di taman perumahan.
- Aktiviti Kitar Semula
- Pengindahan kawasan dan ulasan pelan

AKTA-AKTA YANG DIKUATKUASAKAN

Akta digubal oleh Parlimen dan digunapakai diseluruh Malaysia.

1. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
2. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 173)

PROGRAM KITAR SEMULA

MPSP juga menyediakan perkhidmatan memberi ceramah, penerangan, pendidikan, maklumat dan pameran berkaitan aktiviti kitar semula. Aktiviti penerangan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan minat kitar semula kepada warga Seberang Perai. Penerangan dan penjelasan yang akan diberikan adalah berkaitan kaedah dan cara melaksanakan kitar semula serta kesan kebaikan dan keburukan kepada alam sekitar.

Pertubuhan NGO atau persatuan penduduk yang berminat boleh mendapatkan khidmat nasihat dan penerangan tentang tatacara pelaksanaan dan kaedah yang boleh digunapakai daripada pegawai MPSP dengan membuat permohonan secara bertulis.

PERMOHONAN BAYARAN INSENTIF UNTUK INSTITUSI PENDIDIKAN YANG MENDAFTAR SEBAGAI PENGGIAT DAN PENGUMPUL BARANGAN KITAR SEMULA

Bayaran insentif kitar semula bertujuan untuk menarik minat golongan pelajar melalui institusi pendidikan supaya melibatkan diri dalam program kitar semula. Bayaran insentif diberikan kepada institusi yang berdaftar dengan MPSP mengikut berat timbangan barangan yang dikitar semula.

Permohonan boleh dibuat secara bertulis kepada MPSP. Satu lawatan pemeriksaan akan diadakan oleh pegawai MPSP bagi membincangkan perjalanan program kitar semula di institusi berkenaan. MPSP akan memantau perkembangan program dan berat timbangan setiap kali operasi penjualan dijalankan. Kadar bayaran adalah seperti berikut :


	Jenis barangan	Berat (KG)	Bayaran (RM)	
			Kadar	Maksima
Pusat Pengumpulan	Plastik	100	20.00	200.00 sebulan
	Kertas	1000	50.00	200.00 sebulan
Institusi Pengajian	Plastik	>240	100.00	400.00
	Kertas	>1000	100.00	400.00

PROGRAM CSR MPSP

Program CSR merupakan program perkongsian pintar antara MPSP dan pihak swasta untuk memajukan dan mengindahkan Seberang Perai.

Pihak swasta yang berminat boleh memilih lokasi-lokasi strategik seperti bulatan dan kawasan lapang kerajaan untuk dibangunkan dengan projek-projek seperti pengindahan landskap, pembinaan struktur mercu tanda dan lain-lain yang boleh dicadangkan kepada MPSP.

Pembangunan seperti ini akan memberi impak positif yang besar kepada kerajaan, pihak swasta dan masyarakat.



SENARAI UNDANG-UNDANG KECIL YANG DIGUNAPAKAI OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

Undang-Undang Kecil digubal oleh MPSP dan digunakan adalah seperti berikut :

1. Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1975
2. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1977
3. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan, 1980
4. Undang-Undang Kecil Bayaran Pelan, 1981
5. Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1990
6. Kaedah-kaedah Lembaga Rayuan 1989
7. Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990
8. Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992
9. Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1993
10. Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1994
11. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Majlis Perbandaran Seberang Perai) (Kelakuan dan Tatatertib) 1995

PERKHIDMATAN KEPADA ORANG RAMAI / PELANGGAN

Perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai adalah seperti berikut :

- Menjalankan kerja-kerja kutipan sampah seperti berikut :

Skop Kerja		Kekerapan		
1.	Kutipan Sampah	Hari	Minggu	Bulan
1.1	Rumah kediaman / kedai		3X	
1.2	Premis kilang/ IKS		3X	
1.3	Apartment/ Rumah Pangsa/ Bertingkat	1X		
1.4	Sekolah / Institusi Pengajian Tinggi/ tempat ibadat (Tong CU)	1X		
1.5	Hospital kerajaan / swasta		3X	
1.6	Pasar awam dan kompleks MPSP	1X		
1.7	Pusat pengajian swasta dan lain-lain pusat pengajian persendirian (Tong Komunal)		3X	
1.8	Tong sampah komunal (tepi jalan)	1X		
1.9	Sampah kebun/perabut lama/dll		1X	

PERMOHONAN MENEBAH / MEMANGKAS POKOK TEDUHAN MILIK MPSP

MPSP hanya menjalankan kerja-kerja pangkasan pokok teduhan milik MPSP sahaja seperti berikut :-

- Pokok MPSP yang berada dalam kawasan perumahan / kawasan lapang / taman rekreasi (tertakluk kepada pokok-pokok teduhan yang diluluskan dalam pelan landskap)
- Pokok yang berada di atas rezab Jalan Negeri / Jalan Persekutuan.

Bagi Sekolah, IPT, Hospital dan lain-lain agensi kerajaan, rumah ibadat, 'Gated Community' atau kediaman bertingkat, bangunan komersial bertingkat dan lain-lain kawasan hak milik persendirian / Kerajaan, kerja-kerja pangkasan pokok adalah di bawah tanggungjawab pihak yang berwajib.

MEMPROSES PELAN LANDSKAP DAN ULASAN PELAN KEBENARAN MERANCANG

Jabatan ini juga memproses dan memberi ulasan terhadap Pelan Kebenaran Merancang dan memproses pelan landskap yang dikemukakan oleh pemaju/Juruperunding. Antara ulasan yang terlibat termasuklah :-

- Memproses Pelan Landskap**
 - Kemudahan / perabot taman
 - Jenis pokok yang sesuai ditanam
- Ulasan Pelan Kebenaran Merancang**
 - Keperluam tong sampah dan lokasi
 - Kawasan lapang/rekreasi

BANTUAN BEKALAN ANAK POKOK TEDUHAN KEPADA PERTUBUHAN


Melalui inisiatif hijau dalam program “Cleaner Greener Healthier & Safer Penang” bantuan bekalan anak pokok teduhan diberikan kepada pertubuhan sukarela dan NGO yang berminat untuk terlibat dalam program ini dengan menanam pokok di kawasan lapang yang bersesuaian. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada MPSP dengan syarat-syarat seperti berikut :-

- i) Permohonan perlu dikemukakan bersama dengan pelan lokasi atau pelan cadangan
- ii) Permohonan bagi kawasan yang melibatkan rezab parit / parit monson di bawah selenggaraan mana-mana agensi kerajaan (JPS,JKR dan lain-lain), perlu mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada agensi-agensi berkenaan sebelum dikemukakan kepada MPSP.
- iii) Permohonan adalah bagi tujuan landskap / rekreasi sahaja

GARIS PANDUAN PENANAMAN POKOK OLEH ORANG RAMAI DALAM KAWASAN PERUMAHAN

Orang ramai boleh menanam pokok dalam lingkungan 12' daripada rezab jalan (dalam kawasan tanah pemilik) berdasarkan nasihat dan jenis pokok yang dibenarkan oleh Majlis.

Orang ramai tidak dibenarkan untuk menanam sebarang tanaman di bahu jalan, rezab jalan (tanah kerajaan) dan atau lorong belakang.



- Menjalankan kerja-kerja pembersihan am seperti berikut :

Skop Kerja		Kekerapan		
1. Pemotongan Rumput				
1.1	Semua kawasan hijau/berumput di bawah tanggungjawab MPSP seperti rizab jalan dan parit/longkang, bulatan jalan,	Panjang rumput sekurang-kurangnya 2cm daripada permukaan tanah dan tidak melebihi 5 cm pada setiap masa		
2. Pembersihan kawasan dan penyapuan jalan		Hari	Minggu	Bulan
2.1	Mengutip sampah sarap di semua kawasan di bawah tanggungjawab MPSP seperti di bahu jalan, tanah lapang, jejantas/jejambatan, pondok bas, pembahagi dan bulatan jalan, tempat letak kereta, pejalan kaki dan lain-lain yang berkaitan		1X	
2.2	Membuang bangkai binatang	1X		
2.3	Menyapu dan mengikis buang sampah sarap, debu, tanah, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain yang berkaitan di atas jalan			2X
3. Pencucian parit, longkang dan pembentung				
3.1	Membuang semua sampah terapung/ tidak terapung dalam parit/ longkang konkrit tepi jalan (semua saiz) di bawah tanggung jawab MPSP.		1X	
3.2	Mencuci parit konkrit tertutup (dalam kawasan perumahan)			1X

- Menyewa kemudahan hiasan pokok bunga berpasu dan tong sampah
- Memberi pinjaman peralatan kebersihan semasa program gotong-royong
- Menggalakkan minat penanaman pokok teduhan melalui sumbangan anak pokok kepada pertubuhan-pertubuhan
- Pangkasan pokok teduhan
- Menyelenggara alat permainan
- Menyelaras program CSR MPSP
- Meningkatkan minat kitar semula
- Menyediakan bayaran insentif kitar semula untuk penggiat dan pengumpul barangan kitar semula (institusi pendidikan)
- Memproses Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Landskap

KUTIPAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN AM

Bagi memudahkan urusan kutipan sampah dan pembersihan kawasan orang ramai dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut :

1. Menyediakan tong sampah jenis MGB 120L disetiap premis perumahan atau MGB 240L bagi rumah kedai.
2. Tong sampah hendaklah diletakkan diluar pagar bahagian belakang atau depan yang mana operasi kutipan sampah dijalankan pada hari kutipan.
3. Bahan-bahan buangan yang tidak mudah reput dan boleh dikitar semula (kaca, tin, kertas) hendaklah diasingkan dan dihantar ke pusat kitar semula.
4. Semua sisa dapur dan sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam bag plastik dan diikat dengan kemas sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah
5. Sampah kebun hendaklah di bungkus atau dipotong kecil untuk memudahkan urusan pengangkutan. Kutipan sampah kebun dijalankan pada setiap hari Isnin.
6. Tidak dibenarkan meletak pasu bunga atau apa-apa bahan / binaan / kenderaan yang boleh menyebabkan halangan kepada operasi pengutipan sampah / menutup laluan kepada kerja-kerja pembersihan parit/longkang.
7. Longkang di kawasan perumahan adalah untuk aliran air hujan sahaja. Lain – lain air buangan hendaklah di salurkan terus ke sambungan air IWK untuk dirawat

**Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan,
hubungi kami di :**


Telefon : 04-5497654/649

Email : perbandaran@mpsp.gov.my

BANTUAN PERALATAN GOTONG-ROYONG

Bantuan peralatan pembersihan disediakan oleh MPSP untuk menyokong penganjuran program kemasyarakatan seperti gotong-royong. Permohonan peralatan gotong-royong secara "on-line" boleh dibuat dengan melayari laman sesawang MPSP di www.mpsp.gov.my. Bantuan peralatan gotong-royong boleh dipohon oleh pertubuhan NGO Persatuan Penduduk dan JKKK untuk aktiviti pembersihan sesuatu kawasan tanpa melibatkan aktiviti politik.

Orang ramai yang ingin membuat tempahan peralatan gotong royong secara on-line boleh mengikut langkah-langkah seperti berikut :



**Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan,
hubungi kami di :**

Telefon : 04-5497654/649

Email : perbandaran@mpsp.gov.my